

**Zahid Hamidi puji profesionalisme Mustafar teraju imigresen**  
**Free Malaysia Today**  
**Sept 8, 2016**  
**Faida Rahim**

**Penjawat awam diminta meneladan profesionalisme Mustafar, yang ditukar daripada SPRM untuk memerangi salah laku dalam imigresen**

PUTRAJAYA: Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi memuji profesionalisme Ketua Pengarah Datuk Seri Mustafar Ali menangani masalah di imigresen.

Pada Ogos lalu, Jabatan Imigresen dibanjiri orang awam yang mengalami kelewatan proses permohonan dan memperbaharui pasport sehingga menyebabkan situasi panik.

Mustafar tampil memberi penjelasan bahawa imigresen sedang menjalani proses peralihan kepada pasport versi baharu.

“Saya puji tindakan Ketua Pengarah Imigresen Datuk Seri Mustafar Ali yang serius menangani isu kelewatan ini dengan menjelaskan keadaan sebenar dalam tempoh yang cepat,” katanya ketika berucap di Perhimpunan Bulanan Kementerian Dalam Negeri di Putrajaya, pagi tadi.

Mustafar yang berkhidmat hampir 30 tahun dalam Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dilantik Ketua Pengarah di Jabatan Imigresen 1 Ogos lalu.

Pertukaran beliau dianggap sebahagian usaha memerangi salah laku dalam imigresen.

Dalam pada itu, penjawat awam diminta meneladan profesionalisme yang ditunjukkan Mustafar.

“Setiap individu yang berkhidmat dalam organisasi kerajaan perlu mengakui kesilapan jika ada melakukannya. Segala masalah yang berlaku boleh diatasi.

“Jangan sesekali ada sindrom menafikan kesalahan. Namun masyarakat juga perlu adil pada kita. Kita harus akui kelemahan kita. Semua individu harus bangkit berkhidmat demi rakyat,” katanya.

**Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.**

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/09/08/zahid-hamidi-puji-kredibiliti-mustafar-teraju-imigresen/>